

**PERMINTAAN DAN PIAWAI KEMUDAHAN PUSAT
AKTIVITI HARIAN WARGA TUA : KAJIAN KES-KAWASAN
BANDAR RAYA JOHOR BAHRU**

AFRI ERISMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERMINTAAN DAN PIAWAI KEMUDAHAN PUSAT
AKTIVITI HARIAN WARGA TUA : KAJIAN KES-KAWASAN
BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

AFRI ERISMAN

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Doktor Falsafah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2006

PENGHARGAAN

Penulis ingin merekamkan penghargaan iklhas dan ucapan terimakasih kepada penyelia tesis ini, Prof. Madya, Dr. Nooraini Binti Yusoff atas bimbingan dan dorongannya yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan.

Kerjasama daripada pihak Jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Jabatan Perangkaan Malaysia serta jabatan Kebajikan Masyarakat.

Ucapan terima kasih khas kepada Dr. Muhammad Zaly Shah dan Prof. Dr. Abdullah Bin Ab Rahman yang banyak membantu dalam perbincangan pada tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada kawan-kawan daripada international Blok, Bapak Ir. YulAmri, M.Sc, Usman, Imron , Amin, Saukat, Ismael dan Roy dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah berfokus kepada permasalahan warga tua iaitu pengembangan salah satu perkhidmatan yang telah banyak disediakan di luar negara. Kajian ini tertumpu kepada *preference* masyarakat terhadap perkhidmatan yang akan diagihkan kepada warga tua tersebut. Daripada peratus jumlah, *preference* masyarakat membuktikan adanya permintaan ke atas pusat aktiviti harian warga tua. Selanjutnya, keanjalan dari lengkung permintaan menyokong wujudnya permintaan ke atas pusat aktiviti harian warga tua dari keluarga-keluarga di kawasan bandar Johor Bahru. Data yang diperolehi daripada 447 responden, didapati bahawa wujudnya permintaan di lima dari tujuh kawasan terhadap Pusat Aktiviti Warga Tua berkenaan. Namun demikian, perkhidmatan ini tidaklah dikenali oleh kebanyakan warga masyarakat, maka perlulah kempen untuk memperkenalkan tentang perkhidmatan ini. Selain itu, juga didapati terdapatnya dua alternatif untuk pengurusan perkhidmatan Warga Tua. Alternatif pertama, untuk semua kumpulan etnik disediakan kemudahan berbentuk seperti taman yang mengandungi kemudahan senaman dan jogging serta bilik-bilik untuk doktor dan perawat. Alternatif lainnya pula adalah penyediaan kemudahan untuk setiap kumpulan etnik berbentuk seperti bangunan terpisah diantara kumpulan etnik yang mana, disetiap bangunan tersebut dilengkapi dengan kemudahan yang diinginkan oleh setiap etnik tersebut.

ABSTRACT

This research focuses on the problems regarding ageing people and also the expansion of one of the common services currently provided overseas. This research is about the reference of the community towards this service which will be provided in the community. From the percentage obtained, the community preference shows that there is a demand for Day Care Centers for the ageing people. Moreover, the demand curve further supports this demand for such centers in the Johor Bahru area. Data obtained from 447 respondents, a demand exists in five out of seven areas for a Day Care Center. However, it is also found that such service is unknown to the general public. Thus, there is a need for campaigning to introduce such service to the community. Besides that, there are two alternatives for the implementation of day care centers. One alternative is to have a general facility for all groups of ethnicity. This includes general facilities for exercising, jogging and rooms for doctors and medical care. On the other hand, another approach is to have separate facilities for different ethnic groups, whereby each ethnic is separated from each other in different buildings, and in each of the buildings are equipped with facilities tailored for and as required by that particular group of ethnic.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Takrifan Dan Pengelompokan Warga Tua	2
1.3	Keperluan Pusat Aktiviti Harian Warga Tua	7
1.4	Pertanyaan Penyelidikan	18
1.5	Skop Penyelidikan	18
1.6	Objektif Penyelidikan	19
1.7	Hipotesis	19
1.8	Sumbangan Kajian	20
1.9	Metodologi Penyelidikan	18
1.10	Aliran Bab Penulisan	22

2	PERMASALAHAN WARGA TUA DI MALAYSIA DAN PENJAGAAN WARGA TUA OLEH KELUARGA DI BANDAR	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Masalah-Masalah Ke Atas Warga Tua di Malaysia	26
2.3	Penjagaan Warga Tua Oleh Keluarga Bandar	30
2.4	Rawatan atau Penjagaan Warga Tua Yang Sedia Ada	33
2.4.1	Rumah Rawat Orang Tua	33
2.4.2	Hospital Orang Tua	35
2.4.3	Hotel Warga Tua	36
2.4.4	Rumah Rawatan Sementara	36
2.5	Pusat Penjagaan Harian Warga Tua di Luar Negara	37
2.5.1	Penjagaan Harian Muhammadiyah Singapura	37
2.5.2	Penjagaan Warga Tua di Bandar Hildesem	39
2.5.3	Cafeneo Utrecht Holland	40
2.5.4	Pusat Aktiviti Harian di Pennsylvania	41
2.6	Kesimpulan	42
3	TEORI <i>PREFERENCE</i> DAN FAKTOR PERMINTAAN MASYARAKAT KE ATAS KEPERIHATINANAN WARGA TUA	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Teori <i>Preference</i>	45
3.3	Keanjalan <i>Preference</i> Sebagai <i>Indicator</i> Permintaan	50
3.4	Waktu Bekerja Ke atas Keperihatinan ke warga Tua	54
3.5	Taraf Pendidikan Ke Atas Keperihatinan Warga Tua	57
3.6	Bangsa dan Agama Dalam Keperihatinan Warga Tua	59
3.7	Faktor Sosial Lainnya	61
3.8	Kajian-kajian sebelumnya yang berkaitan	64
3.9	Kesimpulan	73
4	KAEDAH PENYELIDIKAN	76
3.1	Pengenalan	76

4.1	Data dan Sumber Data	77
4.3	Teknik Persampelan	79
4.4.1	Jumlah Sampel	81
4.4.2	Taburan Sampel	81
4.4.3	Ralat Ke Atas Sampel	83
4.4	Pemrosesan Data dan Analisis	86
4.4.1	Analisis Wujudnya Permintaan	87
4.4.2	Pengaruh Faktor Permintaan	89
4.4.3	Maklumat Terhadap Perkhidmatan	92
4.4.4	Piawai Kemudahan	93
4.5	Pengujian Hipotesis	94
4.5.1	Wujudnya Permintaan	94
4.5.2	Wujudnya Permintaan Berasaskan Keanjalan	95
4.5.3	Faktor Yang Mempengaruhi Permintaan	96
4.5.4	Hubungan Maklumat dengan Permintaan	96
4.6	Had Kajian	97
4.7	Kesimpulan	98
5	CIRI-CIRI UMUM RESPONDEN	99
5.1	Pengenalan	99
5.2	Ciri-Ciri Responden	101
5.2.1	Responden berdasarkan Jantina dan Agama	101
5.2.2	Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan	104
5.2.3	Responden Berdasarkan Taraf Perkawinan	108
5.2.4	Jumlah Isi Rumah Responden	106
5.2.5	Jumlah Pendapatan Responden	108
5.2.6	Jumlah Jam Kerja Reponden	110
5.4	Kesimpulan	112
6	PREFERENCE TERHADAP PUSAT AKTIVITI HARIAN WARGA TUA DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA	113
6.1	Pengenalan	113

6.2	Hasil Penyelidikan	115
6.2.1	<i>Preference</i> Terhadap Pusat Aktiviti harian Warga Tua	115
6.2.2	Keanjalan Permintaan Keatas Pusat Aktiviti Harian Warga Tua	119
6.2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Permintaan	120
6.2.4	Faktor Umur dan <i>Preference</i>	128
6.2.5	Maklumat dan Keinginan Menggunakannya	131
6.3	Kawasan Berpotensi Untuk Di tubuhkan Pekhidmatan PPHWT	134
6.4	Kempen dan Promosi Perkhidmatan	146
6.5	Piawai Kemudahan Pusat Aktiviti Warga Tua	149
6.6	Kesimpulan	156
7	KESIMPULAN DAN CADANGAN	159
7.1	Pengenalan	159
7.2	Kesimpulan	160
7.3	Cadangan dan Penelitian Selanjutnya	163
7.4	Penutup	165
RUJUKAN		166
Lampiran A – L		176 - 241

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peratus Pertambahan Jumlah Warga Tua Di Malaysia 1980 – 2010	7
1.2	Jangkaan Hayat Penduduk Malaysia 1999-2000	8
1.3	Kadar kelahiran dan kematian di Malaysia 1999-2000	8
1.4	Perkhidmatan Hospital yang disediakan Oleh Kerajaan Untuk Warga Tua	10
1.5	Perkhidmatan Kesihatan Komuniti yang disediakan Oleh Kerajaan Untuk Warga Tua	10
1.6	Taburan Peratus Warga Tua Mengikut Negeri	13
3.1	<i>Preference</i> individu terhadap Pusat Aktiviti Warga tua	48
4.1	Jumlah dan Peratus penduduk mengikut kumpulan etnik tahun 2000	80
4.2	Purata sampel mengikut kumpulan etnik	80

4.3	Taburan Sampel Mengikut Kawasan Taman Perumahan	82
4.4	Jumlah Sampel Menurut Bangsa Setelah Ralat	84
4.5	Taburan Sampel Mengikut Kawasan Taman Perumahan	86
4.6	Maklumat dan Keinginan Dengan Analisis Chi-Square	92
5.1	Jumlah Sampel Menurut Jantina	101
5.2	Jumlah Sampel Jentina Menurut Bangsa	102
5.3	Jumlah Sampel Berdasarkan Agama	102
5.4	Jumlah Sampel Penganut Agama Menurut Bangsa	103
5.5	Jumlah Sampel menurut Taraf Pendidikan Berdasarkan Bangsa	104
5.6	Jumlah Sampel Berdasarkan Perkahwinan	105
5.7	Taraf Perkawinan Menurut Bangsa	106
5.8	Jumlah Sampel Berdasarkan Isi rumah	107
5.9	Jumlah isi Rumah Menurut Bangsa	107
5.10	Pendapatan Responden Menurut Bangsa	108
5.11	Jumlah jam Kerja Responden	110

6.1	<i>Preference</i> Keatas Pusat Aktivit Warga Tua	115
6.2	Jumlah dan Peratus <i>Preference</i> Oleh Etnik Melayu	117
6.3	Jumlah dan Peratus <i>Preference</i> Oleh Etnik Cina	117
6.4	Jumlah dan Peratus <i>Preference</i> Oleh Etnik India	118
6.5	Wujudnya Permintaan Berdasarkan <i>Preference</i>	118
6.6	Keanjalan Sebagai Penunjuk Wujudnya Permintaan	120
6.7	Pengujian Hipotesis Test Faktor-Faktor Permintaan	125
6.8	Koefisien Pembolehubah Yang Mempengaruhi Permintaan	126
6.9	Bilangan <i>Preference</i> Menurut Kelompok Umur	129
6.10	Nilai <i>Chi-Square</i> Antara Maklumat dan Keinginan	132
6.11	Bilangan dan Peratus Maklumat Mengikut Kumpulan Etnik	133
6.12	Nilai Keanjalan Permintaan Pada Kawasan-Kawasan	136
6.13	Kawasan Berpontessi di Tubuhkan Pekhidmatan PPHWT	137
6.14	Peringkat Maklumat Responden	145
6.15	Peringkat Maklumat Responden Melayu	146

6.16	Jumlah Responden Yang Mengingin Kemudahan Tempat Peribadatan di dalam Perkhidmatan	152
6.17	Jumlah Responden Yang Menginginkan Kemudahan Hiburan di dalam Perkhidmatan	153
6.18	Jumlah Responden Yang Menginginkan Kemudahan Bersukan di dalam Perkhidmatan	154

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kelompok Warga Tua Yang Menggunakan Pusat Aktiviti Harian	6
1.2	Dependency Old In Malaysia 1970-2010	7
1.3	Taburan Peratus Pertambahan Warga Tua di Perbandaran	11
1.4	Organisasi Tesis	24
3.1	Lengkung Permintaan Individu	51
3.2	Lengkung Permintaan Masyarakat	51
6.1	Jangkauan Daerah Layanan Masing-Masing Kawasan	142

SENARAI SIMBOL

δ	-	Kamiran
χ^2	-	<i>chi-square</i>
Σ	-	<i>Sigma</i>
e	-	<i>Disturbance factor</i>
H_0	-	Hipotesis Nul
H_1	-	Hipotesis Alternatif
ln	-	<i>Logarithm normal</i>
P	-	Harga
Q	-	Kuantiti
U	-	<i>utility</i>
α	-	Alfa
β	-	Beta
ϵ	-	<i>Elasticity</i>
σ	-	<i>Tho</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	LAMPIRAN	MUKA SURAT
A Borang Kaji Selidik		176
B Data Mentah		191
C Hasil Pengolahan SPSS Untuk Keanjalan Permintaan		212
D Pengolahan SPSS Untuk Keanjalan Permintaan dari Etnik Melayu		213
E Pengolahan SPSS Untuk Keanjalan Permintaan dari Etnik Cina		214
F Pengolahan SPSS Untuk Keanjalan Permintaan dari Etnik India		215
G <i>Multicolinearity test</i> daripada <i>Dependant Variable</i>		216
H Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Permintaan		217
I Hubung Kait Antara Maklumat dan Keinginan Penggunaan Dengan Kaedah χ^2		222

J	Keanjalan Permintaan Pada Masing-Masing Kawasan	225
K	Regresi Untuk Menentukan Kawasan Berpotensi	233
L	Taburan Kawasan Potensi Penubuhan Pusat Aktiviti Harian Warga Tua	241

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini adalah berfokus kepada persepsi keluarga-keluarga terhadap permasalahan warga tua iaitu tentang perkhidmatan yang telah banyak disediakan di luar negara. Kajian ini bertumpu kepada *preference* masyarakat yang diwakili oleh keluarga-keluarga terhadap perkhidmatan yang akan diagihkan kepada warga tua. Unit analisis adalah keluarga-keluarga yang akan memberikan persepsi mereka terhadap kewujudan perkhidmatan berkenaan. Persepsi ini akan menentukan ada atau tidaknya permintaan masyarakat ke atas perkhidmatan untuk warga tua itu sehingga terdapat sebuah alasan mengapa perkhidmatan berkenaan perlu diwujudkan. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah pusat aktiviti harian warga tua yang biasanya berada di bandar dan kawasan-kawasan perumahan atau sekurang-kurangnya terdapat beberapa buah dalam sebuah bandar.

Penyelidikan ini berhubungkait dengan keprihatinan masyarakat secara umum terhadap warga tua. Oleh itu, dalam bab pendahuluan ini akan membincangkan tentang takrifan dan pengelompokan warga tua. Pada bab ini pula akan diterangkan kenapa diperlukan pusat aktiviti harian warga tua. Objektif

penyelidikan dan hipotesis penyelidikan yang akan diuji kemudiannya juga akan di perlihatkan pada bab pendahuluan ini..

1.2 Takrifan Dan Pengelompokan Warga Tua

Tiada takrifan yang tepat tentang siapakah yang disebut golongan warga tua. Hoebel (1982) berpendapat bahawa warga tua adalah orang yang berusia selepas 75 tahun. Kemudian Harrison (1978) mengatakan orang warga tua ialah orang yang umurnya melebihi 60 tahun. Blazar (2001) berpendapat bahawa warga tua tidak boleh diasaskan berdasarkan umur, kerana umur tidak mencerminkan keadaan fizikal seseorang individu.

Institut Kesefahaman Malaysia (2004) menyatakan, orang tua mempunyai gelaran lain seperti warga emas, golongan veteran atau *senior*. Takrifan warga emas adalah mereka yang berusia 50 tahun ke atas. Pada usia ini, masyarakat selalu beranggapan bahawa mereka sepatutnya berehat saja dan tidak perlu menyumbang ke arah pembangunan diri dan masyarakat sekeliling.

Mengikut takrifan negara-negara ASEAN dan Asia, warga tua adalah mereka yang berumur 60 tahun dan keatas. Manakala definisi antarabangsa pula menakrifkan wargatua sebagai mereka yang berumur 65 tahun dan keatas

Beberapa pendapat di atas adalah berbeza sama sekali,maka, bersesuaian dengan konteks penyelidikan ini, maka di gunakan takrifkan warga tua sebagai masyarakat yang telah berumur 60 tahun ke atas. Takrifan berkenaan juga sesuai dengan takrifan negara-negara ASEAN dan juga oleh *Association Gerontology Of*

Malaysia yang berpandukan kepada takrifan yang telah dibuat oleh US Social Security Agency.

Selepas menatapkan takrifan dalam penyelidikan ini, perlu juga konsep pengelompokan warga tua. Woodruff (1988) dan Becker (2002) menyatakan bahawa warga tua terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok pertama merupakan golongan yang secara relatifnya tidak mempunyai keupayaan dari segi ekonomi untuk menyara hidup dan menyediakan keperluan asas, misalnya keperluan makanan, tempat tinggal dan keperluan kesihatan. Dalam situasi begini, kehidupan warga tua itu akan memerlukan sedikit bantuan atau ihsan daripada anak-anak, saudara-mara, masyarakat atau kerajaan.

Kelompok kedua pula merupakan golongan warga tua yang secara relatifnya mempunyai keupayaan ekonomi untuk memenuhi keperluan asas hidupnya. Keupayaan ekonomi yang dimaksudkan adalah berbagai, namun secara umumnya dapat memenuhi syarat minimum seperti dapat memenuhi keperluan makanan, perumahan dan kesihatan. Golongan ini pada kebiasanya masih berkerja dan tidak memerlukan bantuan orang lain. Dengan keupayaan ekonomi yang dimiliki, golongan ini dapat memilih untuk terus tinggal dirumah, rumah anak-anak mereka ataupun pusat rawatan intensif untuk orang-orang tua. Mereka tetap boleh menjalani sisa-sisa hidupnya bersama warga tua lainnya. Kebanyakan mereka hidup di kawasan bandar, secara bersendirian atau bersama keluarganya.

Keadaan am yang dihadapi oleh warga tua adalah kemunduran kondisi fizikal, biologi dan psikologi, serta merasa kehilangan perhatian anak-anak mereka. Sehingga ramai daripada mereka merasa dalam keadaan ketakutan menurunnya fungsi-fungsi alat tubuh seperti menurunnya fungsi telinga dan mata, tidak lagi aktif dan dapat bergerak laju, selalu merasa letih, mudah kena penyakit dan menurunnya keupayaan berfikir. Selain masalah fizikal dan biologi berkenaan, didapati juga masalah psikologi seperti kurangnya interaksi sosial, merasa kebosanan dan merasa kesunyian.

Dalam keadaan fizikal yang lemah dan dalam kedaan kesunyian serta pula sakit-sakitan, anak-anak dan keluarga mereka bertanggungjawab mengasuh, membiayai dan merawat warga tua ini. Namun demikian pada masyarakat perbandaran yang moden, sangat sukar menggunakan masa untuk merawati ahli keluarga yang telah tua berkenaan kerana kesibukan kerjaya untuk mendapati keperluan hidup mereka. Alternatif yang sedia ada adalah menempatkan warga tua dalam tempat perawatan warga tua seperti rumah seri kenangan yang biasanya banyak didapati di kawasan bandar.

Golongan warga tua yang hidup di kawasan bandar bersama keluarga mereka seringkali terabaikan manakala tidak lagi hidup bersama anak-anak mereka, warga tua tidak lagi di rawat oleh anak-anak dan keluarganya dan kebanyakannya di hantarkan ke rumah-rumah seri kenangan. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2003) menunjukkan tanda-tanda pengabaian ibu bapa atau warga tua yang amat lumrah di barat, kini mula menular di negara ini. Ini terbukti apabila kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan lapan peratus daripada jumlah penghuni rumah orang tua seluruh negara masih mempunyai anak kandung. Berkurangnya keupayaan fizikal, nyanyuk, tidak bersefahaman di antara anak atau menantu dengan ibu bapa, kesibukan anak dengan tugas sehari-hari dan masalah kewangan antara sebab berlakunya gejala pengabaian warga tua tersebut

Selain itu, proses pembangunan dan pertumbuhan pesat yang berlaku di kawasan bandar secara sedar atau tidak sedar menyebabkan wujudnya unsur pengabaian dalam penjagaan warga tua. Unsur-unsur pengabaian ini akan menyebabkan kemungkinan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti kemalangan di rumah, kejutan elektrik dan lain-lain, yang boleh membawa kepada kecederaan dan kematian. Oleh itu masyarakat dan kerajaan mestilah juga membuat keutamaan dalam aspek kesejahteraan warga tua ini.

Walau bagaimanapun usaha harus dijalankan mulai sekarang dengan mempertingkatkan kualiti hidup mereka sejajar dengan konsep “*adding life to years*


and not years to life". Pengisytiharan penjagaan dan kebijakan warga tua telah diberikan perhatian. Objektifnya adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dari segi memberi penjagaan dan perlindungan yang sempurna terhadap warga tua. Masalah ini sesuai dengan Tema Hari Warga Tua Kebangsaan 1998 iaitu "Keluarga Penyayang Warga Tua Bahagia" (Gerontological Association Of Malaysia,1988)

Berkurangnya keprihatin terhadap warga tua juga disebabkan salah satunya oleh semakin terbukanya peluang bekerja kepada perempuan. Dengan mempunyai taraf pendidikan yang sama dengan laki-laki, perempuan tidak lagi hanya menjadi suri rumah, mereka sangat aktif dalam menambah pendapatan keluarga. perkara ini menjadikan waktu penjagaan terhadap ibubapa yang telah tua semakin berkurangan dan akibatnya terjadi waktu yang sama antara penjagaan ke atas ibubapa yang telah tua dengan waktu yang digunakan untuk bekerja.

Beradasarkan kepada adanya konflik waktu antara penjagaan kepada warga tua dan waktu bekerja, maka diperlukan sebuah alternatif perkhidmatan yang tidak menganggu waktu bekerja dan waktu penjagaan kepada warga tua. Penjagaan terhadap warga tua dapat terus dijalankan dengan juga terus bekerja. Oleh itu, alternatif lain yang dianggap sebagai penyelesaian masalah adalah membuat tempat aktiviti harian berkumpul warga tua. Pada pagi hari, mereka akan menuju pusat aktiviti harian yang telah disediakan. Manakala pada sebelah petang atau malamnya mereka akan kembali ke rumah untuk berkumpul dan dijaga oleh keluarga mereka.

Alternatif ini lebih bertumpu kepada tempat penjagaan sementara pada siang hari sahaja atau boleh disebut sebagai tempat aktiviti harian warga tua. Selanjutnya dapat juga dikemukakan, alternatif ini sangat berkesan lebih prihatin daripada meletakkan warga tua di pusat rawatan sedia ada sekarang ini. Kategori penggunaan pusat aktiviti harian warga tua ini adalah daripada golongan berkeupayaan ekonomi sahaja, baik dari warga tua sendiri atau yang disokong oleh keluarga mereka. Untuk memperjelas dari kategori warga tua pada Rajah 1.1 akan digambarkan kelempok

warga tua mana yang akan dapat menggunakan perkhidmatan Pusat Aktiviti Harian Warga Tua.



Rajah 1.1: Kelompok Warga Tua Yang Menggunakan Pusat Aktiviti Harian

Kelompok warga tua yang akan menggunakan pusat aktiviti harian warga tua berkenaan adalah yang mempunyai keupayaan ekonomi, baik daripada pendapatan mereka sendiri atau daripada bantuan anak-anak mereka. Ertinya, kelompok yang bergantung kepada kerajaan atau kelompok yang tidak mempunyai *ability* ekonomi tidaklah kelompok warga tua yang akan menggunakan Pusat Aktiviti Harian warga Tua tersebut.

1.3 Keperluan Pusat Aktiviti Harian Warga Tua di Malaysia

Masalah keprihatinan terhadap warga tua adalah satu masalah sosial diantara masalah sosial lainnya di Malaysia. Malaysia kini mempunyai lebih kurang 6% atau 1.1 juta jumlah penduduk warga tua berumur 60 tahun ke atas. Menjelang tahun 2020 adalah dijangka jumlah penduduk warga tua dalam lingkungan umur berkenaan akan meningkat kepada 11.3 % atau 3.2 juta orang. Dalam tahun 1990 sahaja, orang yang berumur 60 ke atas telah meningkat kepada 1,037,500, kurang 5.80 peratus daripada jumlah penduduk. (Jabatan Kebajikan Masyarakat,1993). Dijangkakan pula daripada tahun 2000 sehingga tahun 2010 warga tua di Malaysia akan meningkat kepada 7.8 peratus daripada penduduk Malaysia. (lihat Jadual 1.1)

Jadual 1.1 : Peratus Jumlah Warga Tua di Malaysia 1980 – 2010

Tahun	Peratus Jumlah Warga Tua
1980	3.7
1990	3.9
2000	5.8
2010	7.8
2020	11.3

Sumber :
 1. United Nation, World Population 1986
 2. Aiju (1989)

Peningkatan jumlah warga tua tersebut disebabkan oleh beberapa faktor, faktor pelayanan kesihatan seperti rumah-rumah sakit dan klinik sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan kadar kematian warga tua. Selain itu, kurangnya kadar kemiskinan penduduk juga membawa implikasi pada turunnya angka kematian warga tua di Malaysia. Selanjutnya kerana pengetahuan masyarakat tentang cara hidup yang sihat juga meningkatkan jangkaan hayat penduduk Malaysia dari tahun ke tahun.

Faktor lainnya adalah semakin rendahnya tingkat kelahiran (*fertility*) dengan kecenderungan masyarakat tentang keluarga kecil, sebaliknya tingkat kematian (*mortality*) terus berkurang juga dengan semakin tingginya jangka hayat hidup penduduk Malaysia (Lihat jadual 1.3). Pada tahun 2000 ini jangkaan hayat warga Malaysia telah mencapai angka 70.2 tahun untuk lelaki dan 75 tahun untuk perempuan.

Jadual 1.2 : Jangkaan Hayat Penduduk Malaysia 1999-2000

Jangkaan Hayat Ketika Lahir-(bilangan tahun) <i>Life Expectancy at Birth - (number of years)</i>	1999	2000
Lelaki <i>Males</i>	69.9	70.2
Perempuan <i>Females</i>	74.9	75.0

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia,2000


Jadual 1.3 : Kadar kelahiran dan kematian di Malaysia 1999-2000

PERANGKAAN PENTING <i>(setiap ribu)</i> <i>Vital Statistics (per thousand)</i>	1995	1996	1997	1999 P	2000 P
Kadar Kelahiran Kasar <i>Crude Birth Rate</i>	26.4	26.3	25.8	24.4	24.5
Kadar Kematian Kasar <i>Crude Death Rate</i>	5.0	4.9	4.7	4.4	4.4
Kadar Pertambahan Semula Jadi Kasar <i>Crude Rate of Natural Increase</i>	21.4	21.3	21.2	20.0	20.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia,2000

Ai-ju (1989) juga meramalkan bahawa selama tempoh 1980-2000 jumlah warga tua akan meningkat tiga atau empat kali ganda di Malaysia. Perkara ini akan

juga menambahkan peringkat kadar penggantungan (*Dependency ratios*) warga tua yang digambarkan oleh beliau sebagai berikut :



Sumber : Aiju (1989)

Rajah 1.2 : Dependency Old In Malaysia 1970-2010

Kadar pergantungan warga tua adalah Nisbah tanggungan (biasanya dinyatakan dalam setiap 100 orang) ialah nisbah diantara bilangan penduduk berumur bawah 15 tahun dan bilangan penduduk berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun. Pada rajah 1.2 angka kebergantungan dari tahun ke tahun selalu meningkat, ertinya jumlah warga tua untuk 100 penduduk akan bertambah besar. Hal ini memberikan implikasi bertambah pula perbelanjaan kerajaan untuk menyediakan kemudahan atau memenuhi keperluan warga tua berkenaan. Pengeluaran beban negara untuk warga tua yang bergantung ini supaya mendapat perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang komprehensif. Selain itu, mempastikan warga tua tersebut dapat menjalani kehidupan dalam keadaan sihat dari segi fizikal, mental dan sosial. Perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan dapat dilihat pada Jadual 1.4 dan jadual 1.5

Jadual 1.4 : Perkhidmatan Hospital Oleh Kerajaan Untuk Warga Tua

No	Jenis Perkhidmatan
1	Penjagaan perubatan akut
2	Penjagaan lanjutan
3	Perancangan discaj
4	Penjagaan psikologi warga tua
5	Terapi pemulihan anggota
6	Terapi cara kerja
7	Kaunseling
8	Perubatan sosial dan kebajikan


Sehubungan dengan pengelompokan warga tua maka, kelompok warga tua yang mempunyai keupayaan ekonomi pun dijangka tidak terjaga juga. Kadangkala anak-anak sibuk bekerja terutama dikehidupan bandar-bandar dan ramai meletakan ibubapa mereka ke tempat pusat rawatan dan rumah-rumah seri kenangan sehingga mereka meninggal. Perkara ini bermakna, secara fizikal mereka bahagia tapi secara psikologinya tidak. Kemungkinan ada alternatif lain yang boleh membuat warga tua tersebut merasa bahagia secara fizikal dan psikologi.

Jadual 1.5 : Perkhidmatan Kesihatan Komuniti Oleh Kerajaan Untuk Warga Tua

No.	Jenis Perkhidmatan
1	Promosi kesihatan warga tua
2	Penilaian kesihatan bagi keperluan harian
3	Saringan kesihatan khususnya bagi warga tua berisiko tinggi
4	Rawatan perubatan
5	Rujukan kepada pakar
6	Kaunseling kesihatan kepada warga tua dan penjaga
7	Rawatan perubatan komuniti
8	Rehabilitasi

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1998

Dalam menyelesaikan perkara ini khususnya di Malaysia perlu ada satu cara bagaimana masyarakat di bandar-bandar boleh bekerja tanpa merisaukan keadaan ibu bapa mereka. Setengah-setengah pendapat menyatakan adalah perlu satu bentuk pusat jagaan siang hari sebagai penyelesaian. Warga tua yang dihantarkan pada siang hari oleh keluarga mereka, manakala petang atau malamnya dijemput oleh keluarga masing-masing. Sistem tersebut sudah sedia ada di beberapa negara yang telah maju. Seperti di bandar Hildesem Jerman, wujud sebuah pusat aktiviti orang tua yang terletak di dalam bandar yang berbentuk sebuah restoran, di mana pada sebelah pagi ramai warga tua berkumpul di sana sambil menikmati makanan dan minuman serta jagaan, dan sebelah petang mereka pulang sendiri atau dijemput keluarga.



Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat,1998

Rajah 1.3 : Taburan Peratus Pertambahan Warga Tua di Bandar

Sistem penjagaan ini biasanya terletak berdekatan dengan kawasan perumahan dalam wilayah bandar untuk menghadapi cabaran pertambahan jumlah warga tua bagi wilayah tersebut. Berasaskan kepada pertambahan warga tua di perbandaran dari tahun ke tahun, maka seharusnya pihak-pihak yang berkenaan di Malaysia pun perlu mewujudkan pusat penjagaan siang hari sebagai persiapan atau persediaan untuk menangani peningkatan jumlah warga tua di perbandaran. Rajah 1.3 memperlihatkan taburan pertambahan jumlah warga tua dari tahun 1970 sampai 1991 dan Jadual 1.6 memperlihatkan jumlah warga tua di Malaysia mengikut negeri.

Sehubungan dengan itu, pewujudan pusat aktiviti warga tua ini, baru-baru ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyarankan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mewajibkan setiap perumahan baru menyediakan Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT). Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, keperluan pusat jagaan harian tersebut penting untuk memastikan golongan tersebut terus terbela dan tidak tersisih daripada anggota keluarganya¹.

Dengan pertambahan penduduk *warga tua*, adalah perlu bagi memastikan mereka bergaul dan terus mengambil bahagian secara aktif dalam masyarakat. Bagi tujuan itu, kempen kesedaran dan pendidikan untuk menjelaskan implikasi terhadap ketuaan dan keperluan untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan produktif akan terus diadakan. Selaras dengan konsep masyarakat penyayang, keluarga akan terus digalakkan menjaga warga tua.

Bagi keluarga yang tidak dapat menjaga warga tua semasa bekerja, maka pusat penjagaan warga tua siang hari adalah pilihan yang baik. Melalui program ini, nilai tradisi seperti tanggungjawab kepada agama dan hormat kepada warga tua akan dipertahankan, sementara pada masa yang sama membolehkan keluarga mengambil kesempatan dari pengalaman dan kebijaksanaan warga tua. Oleh itu, dengan peningkatan jangka hayat dan jumlah warga tua yang bertambah, langkah perlu diambil untuk memastikan bahawa penjagaan warga tua kekal bersama keluarga adalah penubuhan pusat penjagaan harian bagi penjagaan warga tua semasa ketidaan ahli keluarga.

Sehubungan dengan itu, perkembangan pusat harian warga tua sebagai rancangan sosial di wilayah bandar amat perlu diketahui aspek-aspek yang mempengaruhinya. Aspek-aspek tersebut dapat dirumuskan dalam aspek ekonomi, sosial, dan pengurusannya.

¹ Berita ini termuat dalam harian Utusan Malaysia Pada Tanggal 27 Mei 2004

Jadual 1.6 : Taburan Peratus Warga Tua Mengikut Negeri

Negeri	Tahun		
	1970	1980	1991
Johor	4.47	4.83	5.12
Kedah	4.51	5.24	5.88
Kelantan	5.24	5.31	5.35
Malaka	5.11	5.52	5.96
Negeri Sembilan	5.13	5.49	5.51
Pahang	4.69	4.52	4.49
Perak	5.13	5.48	5.97
Perlis	5.38	5.93	6.02
Pulau Pinang	5.12	5.49	5.82
Sabah	3.36	3.90	3.70
Sarawak	4.73	4.91	5.25
Selangor	4.26	4.59	Tiada data
Terengganu	4.98	5.09	Tiada data
WP Kuala Lumpur	4.45	4.48	Tiada data

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia,1998

Dari segi ekonomi, ia dilihat pada permintaan atau *demand* daripada pusat aktiviti harian warga tua. Amat perlu dilakukan pendekatan-pendekatan ekonomi kepada permintaan pusat harian tersebut yang dimulai dengan analisis pendapatan masyarakat sehingga maklumat yang mereka punyai. Alasan berkenaan dikemukakan kerana tiada faedahnya pusat aktiviti harian dibuat tanpa apa-apa permintaan yang jelas daripada masyarakat.

Aspek sosial amat mempengaruhi warga tua yang datang di pusat harian. Pendekatan sosial dapat dilihat melalui perilaku berkumpul bersama-sama warga tua di persekitarannya. Sekurang-kurangnya pusat harian yang akan dirancang sesuai dengan keadaan sosial warga tua di Malaysia. Hal itu juga akan meningkatkan kepercayaan masyarakat untuk meletakkan orang tua mereka di pusat harian itu.

Pada aspek sosial ini juga akan dibincangkan kecenderungan keluarga-keluarga terhadap adanya pusat harian. Kecenderungan bermakna kesukaan atau minat yang timbul sekiranya diperkenalkan bentuk dan sistem pusat harian warga tua harian tersebut.

Aspek pengurusan pusat aktiviti harian warga tua mestilah berorientasikan kepada keselamatan dan keselesaan serta prioriti pengembangan. Konteks pengurusan yang akan dibincangkan iaitu siapa yang akan mengurus perkhidmatan dan untuk kawasan mana khidmat ini ditubuhkan. Fokus lainnya kemudahan-kemudahan apa saja disediakan dalam perkhidmatan berdasarkan minat kebanyakan masyarakat. Dari kemudahan berkenaan akan didapati pilihan terbaik bagi sistem pusat aktiviti ini.

Hubung kait dari aspek ekonomi, sosial dan pengurusan dalam penyelidikan ini iaitu, pertama aspek ekonomi digunakan untuk mendapatkan wujud atau tidak wujudnya permintaan ke atas pusat aktiviti harian warga tua. Wujudnya permintaan dapat dikesan dengan teori ekonomi yang dikenali dengan teori *demand*. Selepas ditemukannya *demand*, maka perlu dikaji lagi aspek yang mempengaruhi permintaan oleh masyarakat. Dalam perkara ini faktor yang mempengaruhi suatu permintaan masyarakat adalah faktor-faktor sosial dan ekonomi dalam erti kata minat daripada keluarga-keluarga untuk meletakkan ibu bapa mereka ke pusat aktiviti sangat di pengaruhi oleh faktor-faktor sosial dan ekonomi.

Faktor kesibukan keluarga yang diwakili oleh waktu bekerja juga merupakan faktor sosial yang mempengaruhi minat seseorang dalam menggunakan pusat aktiviti harian warga tua. Perkara ini diasaskan bahawa untuk menjaga ibu bapa tentunya akan menggunakan masa, yang mana seharusnya masa penjagaan ibu bapa tersebut boleh digunakan untuk bekerja. Seterusnya taraf pendidikan memainkan peranan terhadap minat keluarga untuk meletakkan ibu bapa mereka ke pusat aktiviti harian warga tua. Kerana semakin tinggi taraf pendidikan biasanya selaras dengan semakin tingginya pula keprihatinan dalam menjaga warga tua.

Selain itu, faktor agama pasti merupakan faktor sosial sebagai pertimbangan dalam meletakkan ibu bapa ke apa-apa sistem penjagaan warga tua. Agama semuanya mengajarkan kebaikan untuk penjagaan terhadap warga tua.

Selanjutnya adalah faktor jantina, kerana banyak pendapat bahawa yang bertanggungjawab kepada penjagaan terhadap ahli keluarga anak dan warga tua biasanya oleh kaum wanita, sedangkan kaum laki-laki untuk bekerja. Namun sekarang dengan terbukanya peluang pekerjaan yang besar terhadap wanita,, perbezaan jantina tidak lagi mempengaruhi penjagaan ke atas warga tua. Berdasarkan perkara ini maka jantina dijadikan faktor pertimbangan untuk minat menggunakan pusat aktiviti harian warga tua.

Perbezaan umur juga adalah faktor penting untuk di kaji sebagai faktor yang mempengaruhi minat penggunaan pusat aktiviti harian warga tua. Generasi muda akan berbeza cara penjagaan terhadap warga tua dengan generasi yang telah tua. Selanjutnya, taraf perkahwinan juga di anggap sebagai faktor yang mempengaruhi pertimbangan ke atas minat menggunakan pusat aktiviti harian warga tua, kerana orang yang mempunyai anak-anak lebih merasakan bagaimana interaksi terhadap anak-anak mereka.

Apabila wujud permintaan dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi telah dirangkumkan, selanjutnya perlu dikaji lagi bagaimana pengurusan daripada pusat aktiviti harian warga tua. Perkara ini berhubungkait dengan pengurusan perkhidmatan.

Apabila sesebuah perkhidmatan boleh menyediakan piawai kemudahan yang di perlukan masyarakat, permintaan keluarga-keluarga untuk meletakkan ibu bapa mereka ke atas perkhidmatan terus meningkat dan boleh di anggap pengurusan yang berkualiti. Dalam penyelidikan ini akan dibuat piawai kemudahan untuk Pusat Aktiviti Harian Warga Tua berdasarkan keinginan daripada masyarakat dan

mengenalpasti kemudahan piawai itu yang harus wujud dalam perkhidmatan tersebut.

Dalam aspek pengurusan penyelidikan ini memberi fokus kepada kemudahan yang harus sedia ada dalam pusat aktiviti harian untuk warga tua. Perkara ini memastikan warga tua terus aktif dan produktif semasa seharian dalam pusat aktiviti harian warga tua. Kemudahan-kemudahan diperkenalkan adalah kemudahan am untuk menggalakkan hidup sihat.

